

CNS5663

R GB 18-04 00174 BC745

bah

MAHATHIR SIFATKAN TINDAKAN PRESIDEN MTUC PENGANIAYAAN KEPADA PEKERJA
Mahathir - MTUC

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan usaha Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Encik Zainal Rampak supaya Malaysia disingkirkan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebagai penganiayaan kepada anggota MTUC sendiri.

+Jika Malaysia tersingkir daripada pertubuhan itu, yang menerima padah ialah pekerja,+ kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menyambut keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun Austria di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang hari ini.

Kerajaan tidak rugi jika negara ini disingkir tetapi sebaliknya pekerja yang rugi, kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan sentiasa bekerja untuk mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan pekerja negara ini.

+Tanpa mogok kita boleh meningkatkan pendapatan pekerja tapi yang MTUC lakukan ialah supaya pekerja tidak ada kerja kerana jika tidak ada kerja, MTUC boleh membuat tuntutan untuk mendapatkan gaji banyak,+ kata Dr Mahathir. -- Lagi

▼18/04/21-36MST

CNS5664

R GB 18-04 00108 BC746

bah

Mahathir - MTUC 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai hukum hudud, Dr Mahathir berkata, kerajaan pusat tidak perlu mengamalkan hukum hudud bagi menunjukkan yang +kita ini Islam.+

Beliau juga berkata jika DAP ingin membawa Kerajaan Kelantan ke mahkamah jika kerajaan negeri berkenaan mengamalkan hukum hudud, maka itu adalah masalah serta pilihan DAP sendiri kerana DAP yang menyokong PAS.

Katanya Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang tidak boleh membabitkan MCA ataupun Gerakan kerana dahulu mereka tidak mahu bekerjasama dengan kedua-dua parti itu.

+Yang PAS buat sekarang ialah hasil sokongan DAP kepada PAS,+ kata Dr Mahathir. -- Bernama

▼18/04/21-40MST